

FBG Holdings menang kontrak kerja RM206.16 juta bagi bangunan JB City Square

Bernama

December 9, 2025 @ 6:22pm



FBG Holdings Bhd

KUALA LUMPUR: Anak syarikat milik penuh FBG Holdings Bhd, FBG Builder Sdn Bhd memperoleh surat setuju terima daripada Sunray Construction & Interior Sdn Bhd bagi kerja-kerja bangunan utama di Johor Bahru City Square bernilai RM206.16 juta.

Kerja-kerja berkenaan melibatkan pembekalan, penghantaran, pemasangan, pengujian dan pengoperasian kerja-kerja mekanikal dan elektrikai untuk pembinaan Tower 2, iaitu sebuah blok hotel-pangsapuri.

Syarikat itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia berkata, tempoh kontrak adalah 31 bulan bermula pada 15 Dis 2025 dan dijadualkan siap pada 14 Julai 2028.

Kontrak itu dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan kumpulan bagi tahun kewangan berakhir pada 30 Jun 2026 dan selanjutnya, katanya.

-BERNAMA